

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006**

**November 2005**

**RPK 334 – Perancangan Lalu Lintas**

**Masa: 3 jam**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA (2) dari Bahagian A dan DUA (2) dari Bahagian B**

- 2 -

## **BAHAGIAN A**

1. Penyediaan tempat letak kenderaan (TLK) yang berpiawai adalah salah satu komponen yang sangat penting dalam perancangan bandar. Huraikan kepentingan tersebut. Bagaimanakah caranya untuk mengetahui tahap penggunaan TLK dalam sebuah bangunan TLK bertingkat?  
(25 Markah)
  
2. Apakah kepentingan kajian Asalan-Destinasi (O-D). Antara kaedah bancian Asalan-Destinasi (O-D) adalah temu duga di tepi jalan raya. Huraikan dengan terperinci bagaimanakah bancian tersebut dijalankan?  
(25 Markah)
  
3. Apakah tujuan bancian pengangkutan awam? Bincangkan dengan terperinci bagaimanakah bancian pengguna pengangkutan awam dapat dijalankan?  
(25 Markah)

## **BAHAGIAN B**

4. Salah satu daripada proses-proses perancangan lalu lintas ialah membentuk hubungan kuantitatif antara pergerakan lalu lintas dan gunatanah. Hubungan ini dianalisis menggunakan beberapa teknik iaitu:
  - i. Pengeluaran Perjalanan (*Trip Generation*)
  - ii. Penarikan Perjalanan (*Trip Attraction*)
  - iii. Pengagihan Perjalanan (*Trip Distribution*)
  - iv. Pengagihan Lalu Lintas (*Traffic Assignment*)
 Dengan bantuan gambarajah, huraikan setiap satu teknik di atas ini.  
(25 Markah)
  
5. Terdapat tiga jenis penahanan lalu lintas yang sering dilaksanakan di bandar-bandar besar. Huraikan setiap satu.  
(25 Markah)
  
6. Apakah yang dimaksudkan dengan Sistem KEJARA dan mengapa sistem ini diwujudkan?  
(25 Markah)